



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 27 MAC 2024 (KHAMIS)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• KEEP LDP U-TURN OPEN, SAYS SUBANG JAYA MAYOR
2.	SELANGORKINI	• PUPUK MINAT BELAJAR, NEGERI CADANG BINA PERPUSTAKAAN AEROANGKASA DI PUCHONG

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• KENYATAAN TENDER
2.	THE STAR	• KEEP LDP U-TURN OPEN, SAYS SUBANG JAYA MAYOR

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MPS	• SELAYANG COUNCIL REPORTS FEWER BAZAAR VIOLATIONS THIS YEAR

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• MBI SELANGOR MARKS 30 TH ANNIVERSARY WITH RM8BIL REVENUE TARGET
2.	KOSMO	• DISKAUN TOL 50 PERATUS SEMPENA AIDILFITRI • PENJAWAT AWAM JOHOR DAPAT RM1,000, KELANTAN RM500 • KUOTA DATA PERCUMA 5GB PADA 1 SYAWAL • SARA DIPERLUAS KEPADA 5.4 JUTA ORANG • POLIS PANTAU LOKASI KERAP BERLAKU KEMALANGAN, KESESAKAN
3.	HARIAN METRO	• 432 LOKASI PANAS, 122 TITIK HITAM DIKESAN DI SELURUH NEGARA • KERAJAAN SEDIA SALUR SARA MULAI 1 APRIL INI • KELANTAN BERI DUIT RAYA RM500, CUTI 30 MAC • 5.4 JUTA TERIMA RM2,100 1 APRIL INI
4.	BERITA HARIAN	• DIGITALISASI, AI MEREVOLUSIKAN PERKHIDMATAN SEKTOR AWAM
5.	UTUSAN MALAYSIA	• CAJ RM10 UNTUK TUKAR DUIT RAYA • 150 ANGGOTA POLIS BERTUGAS PECAH TANAH MASJID MADANI • KERAJAAN BERI KUOTA TAMBAHAN DATA 5GB HARI RAYA PERTAMA
6.	THE SUN	• WORKFORCE SUSTAINABILITY CONCERNS RISE AS NATION AGES
7.	SINAR HARIAN	• RASUAH RM1,000: POLIS WANITA DIREMAN • PEGAWAI IMIGRESEN DIDENDA RM3,000 • KERAJAAN PERLU TINGKAT TAHAP KESELAMATAN SIBER • 5.4 JUTA BAKAL TERIMA BANTUAN SARA MULAI 1 APRIL • PEMBIAYAAN ISLAM KEKAL STABIL • DUA HARI DISKAUN TOL 50 PERATUS



Pupuk minat pelajar, negeri cadang bina perpustakaan aeroangkasa di Puchong

by Fitri Hazim Hazam · March 26, 2025 5:30 pm



Para pengunjung tidak melepaskan peluang melihat dan bergambar dengan pelbagai model pesawat dan kapal terbang yang diketengahkan sempena Pameran Udara Selangor (SAS) 2024 di Pusat Penerbangan Serantau (RAC) Skypark, Shah Alam pada 14 September 2024. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/SELANGORKINI

SHAH ALAM, 26 MAC: Kerajaan Negeri berhasrat membina perpustakaan aeroangkasa sebagai usaha memupuk minat dan mencungkil bakat pelajar sekolah dalam bidang tersebut.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata pihaknya menjalin kerjasama dengan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) bagi membangunkan perpustakaan itu di Bandar Puteri, Puchong.

"Aeroangkasa memerlukan banyak bakat, kita perlu pupuk minat pelajar dari peringkat awal persekolahan lagi, kalau sudah masuk universiti mereka ada pilihan kursus. Ini adalah sasaran kami.

"Bandar Puteri dipilih sebagai lokasi pembinaan kerana berdekatan dengan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu (IC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk merancakkan industri semikonduktor negeri," katanya kepada Media Selangor.

Sze Han menambah MBSJ telah bersetuju untuk membiayai kos pembinaan perpustakaan yang dijangka bermula pertengahan tahun ini.

"Lawatan tapak dan mesyuarat pertama membabitkan saya bersama MBSJ serta NAICO akan dibuat dua minggu selepas Hari Raya Aidilfitri.

"Antara rancangan lain juga untuk mewujudkan ruang pilot (juruterbang) sebagai tarikan utama sekaligus menggalakkan mereka menyumbang buku yang berkaitan ilmu penerbangan untuk bahan bacaan golongan muda," ujarnya.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 27 MAC 2025

Keep LDP U-turn open, says Subang Jaya mayor



The U-turn at Puchong Selatan Toll Plaza (from Seri Kembangan/Putrajaya towards Puchong) appears to be closed off already. — LOW BOON TAT/The Star

Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim wants the U-turn at Puchong Selatan Toll Plaza on Damansara-Puchong Highway (LDP) to remain open for motorists from Cyberjaya heading to Seri Kembangan.

With that in mind, he said he would be sending a letter to LDP concessionaire Lingkaran Trans Kota Holdings Bhd (Litrak) to discuss the matter.

Amirul Azizan said Litrak was asked not to close off the U-turn, to prevent severe congestion.

He pointed out that the closure would also be more costly for motorists heading to Taman Equine from Cyberjaya as they would have to pay toll twice if they missed the turn-off into Jalan Putra Permai.

He said Subang Jaya City Council (MBSJ) held a meeting with Litrak, Puchong MP Yeo Bee Yin and Seri Serdang assemblyman Abbas Salimmi Che Adzmi@Azmi to discuss options.

"During the meeting, Litrak representatives were unwilling to consider our request not to close the U-turn," Amirul Azizan told reporters after the city council's full board meeting at its headquarters in USJ5.

"Litrak representatives say the closure was due to accidents, but according to our statistics, there were only three accidents per year," said the mayor.

On March 13, Litrak announced that the U-turn at Puchong Selatan Toll Plaza would be closed from April 1.

On March 18, Abbas Salimmi took to social media to say that the highway concessionaire had only notified MBSJ and did not inform him about the planned closure.

"This is very disappointing, as previous discussions had been held to find ways to reduce congestion and one of the proposed solutions was to keep the U-turn open," Abbas Salimmi wrote.

When approached, Litrak declined to comment. — By MEGAT SYAHAR

THE STAR ONLINE
TARIKH: 27 MAC 2025

SUBANG JAYA mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim wants the U-turn at Puchong Selatan Toll Plaza on Damansara-Puchong Highway (LDP) to remain open for motorists from Cyberjaya heading to Seri Kembangan.

With that in mind, he said he would be sending a letter to LDP concessionaire Lingkaran Trans Kota Holdings Bhd (Littrak) to discuss the matter.

Amirul Azizan said Littrak was asked not to close off the U-turn, to prevent severe congestion.

He pointed out that the closure would also be more costly for motorists heading to Taman Equine from Cyberjaya as they would have to pay toll twice if they missed the turn-off into Jalan Putra Permai.

He said Subang Jaya City Council (MBSJ) held a meeting with Littrak, Puchong MP Yeo Bee Yin and Seri Serdang assemblyman Abbas Salimmi Che Adzmi@Azmi to discuss options.

"During the meeting, Littrak representatives were unwilling to consider our request not to close the U-turn," Amirul Azizan told reporters after the city council's full board meeting at its headquarters in USJ5.

"Littrak representatives say the

Keep LDP U-turn open, says Subang Jaya mayor

27/3 (MBSJ)
an

Facility at Puchong Selatan Toll Plaza set to be closed from April 1

closure was due to accidents, but according to our statistics, there were only three accidents per year," said the mayor.

On March 13, Littrak announced that the U-turn at Puchong Selatan Toll Plaza would be closed from April 1.

On March 18, Abbas Salimmi took to social media to say that the highway concessionaire had only notified MBSJ and did not inform him about the planned closure.

"This is very disappointing, as previous discussions had been held to find ways to reduce congestion and one of the proposed solutions was to keep the U-turn open," Abbas Salimmi wrote.

When approached, Littrak declined to comment. — By MEGAT SYAHAR



The U-turn at Puchong Selatan Toll Plaza (from Seri Kembangan/Putrajaya towards Puchong) appears to be closed off already. — LOW BOON TAT/The Star

THE STAR

27 MAR 2025

Tarikh:.....

MBI Selangor marks 30th anniversary with RM8bil revenue target

By MEGAT SYAHAR
megatsyahar@thestar.com.my

MENTERI Besar Selangor Incorporated (MBI Selangor) will use its group strategic plan to guide the organisation until 2028 to ensure it continues to drive the state's economy.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said MBI Selangor would refine several strategies, including increasing revenue and profits, with a revenue target of RM8bil by 2026 and a pre-tax profit of RM1.2bil among local councils.

"In addition, a cost-saving strategy worth RM250mil by 2026 has also been planned to boost profitability," he said in a press conference during MBI Selangor's 30th anniversary dinner.

He said Selangor recorded RM101bil in investments last year, with the majority of RM82bil coming from the services sector.

"The new blueprint focuses on five main factors – growing income and profit, optimising business portfolio, digital transformation and automation, strengthening administration, and developing a high-performance talent and culture.

"The restructuring is not just for MBI's internal structure; it's also for MBI's subsidiaries.

"We are aiming for MBI to receive dividends from its subsidiaries, which will

"A cost-saving strategy worth RM250mil by 2026 has been planned to boost profitability."

Datuk Seri Amirudin Shari

then be returned to the state government," he added.


Amirudin said MBI Selangor was also focusing on developing new talents and fostering a high-performance culture to contribute to the state through its subsidiaries.

"Prioritising talent development and a high-performance culture is crucial to ensuring that MBI can nurture new talents.

"Some of these efforts are already in place, through scholarship funds for state government subsidiaries and their families.

"MBI has been implementing this initiative annually," he said, adding that employees and officers within MBI Selangor also received assistance.

MBI Selangor chief executive officer Datuk Saipolyazan M. Yusop, in his speech, said the



Amirudin (centre) launching MBI Selangor's pearl jubilee celebration. — Photos: IZZRAFIAQ ALIAS/The Star

anniversary dinner was a celebration of key achievements that reflected MBI Selangor's dedication and contributions to the state's progress.

Among those present at the dinner were state executive councillors Mohd Najwan Halimi and Ng Sze Han, Selangor state assembly Speaker Lau Weng San and Deputy Speaker Mohd Kamaruddin.

Guests were treated to two theatrical performances, including one that reflected on MBI Selangor's 30-year journey and celebrated its growth, achievements and contributions to Selangor.



One of the theatrical performance during the anniversary dinner.

THE STAR

27 MAR 2025

Tarikh:.....

Selayang council reports fewer bazaar violations this year

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

TO DATE, Selayang Municipal Council (MPS) has issued only five notices for offences at this year's Ramadan bazaars.

Most of the offences were related to hygiene and food handling.

"The five notices were for vendors wearing jewellery such as rings while handling food (two cases), storing ice in an improper or unhygienic manner (two cases) and hiring an assistant under 18 years old (one case)," said MPS president Shahman Jalaludin.

"We have two teams that monitor the bazaars on a daily basis, namely Licensing Department and the Solid Waste and Health Management Department."

Shahman said that overall there were fewer offences recorded at Ramadan bazaars this year, compared to last year.

He attributed this to the briefings and reminders given to traders before Ramadan.

MPS prepared 1,831 trading lots across 30 Ramadan bazaar locations this year.

Shahman explained that each



MPS Licensing Department director Zulaina Abu Talib (right) handing a hat to a trader at Pekan Rawang Ramadan bazaar.

bazaar was managed by an appointed coordinator.

"This person is responsible for everything at the bazaar, ranging from trader management to cleanliness and compliance with council guidelines," he said.

"If this coordinator failed in his duty, he could lose his deposit for the bazaar he is managing."

"The deposit ranges from RM2,000 to RM4,000. A percentage would be deducted if offences were committed or rules were flouted at the bazaars, such

as having a dirty site or leaving items behind," he added.

Shahman said the bazaar coordinator could lose part of or the entire deposit, depending on the type and frequency of offences committed.

He said this after chairing MPS' March full board meeting at the council's headquarters in Bandar Baru Selayang, Batu Caves.

"In terms of current assessment tax collection, MPS has collected RM55.01mil (82.11%) out of RM67mil as of Feb 28," he said.

"As for tax arrears, we collected RM2.49mil (26.28%) out of the RM9.5mil in total arrears."

"The deadline for the first term of assessment tax payment was on Feb 28 and a late payment charge of RM20 was imposed starting March 1. A warrant of arrest will be implemented starting April 1."

Shahman added that 80% of payments to MPS as of the February deadline were cashless, including those for assessment taxes, business licences, stall

rental, compounds as well as building, planning and other permits.

Meanwhile, Treasury Department director Az'har Samsuri gave a presentation on MPS' financial performance statement for 2024, which was later endorsed at the full board meeting.

Az'har said MPS recorded RM302mil in revenue and RM281mil in expenses last year.

In comparison, MPS recorded RM292mil in revenue and RM285mil in expenses in 2023.

On the drop in last year's expenses compared to the previous year, Shahman said, "The council's expenses differ each year due to various factors."

"It includes better expenditure control and projects or support received from the state government, federal-level agencies or ministries."

Following the endorsement, Az'har said the next step would be to send a copy of MPS' financial performance statement to the Selangor Economic Planning Unit (Upem), followed by the Selangor National Audit Department. It will eventually be tabled and gazetted at the Selangor state assembly sitting.

8th 27/3
(MBSJ)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran (SPP) dan Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan serta berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi menyertai kerja berikut:

Bil	Tajuk	Gred, Kategori dan Pengkhususan	Harga Dokumen Senaskah	Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tender ditutup
1.	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN PUTRA PERMAI 10/1, 10/1A, 10/1B, 10/1C, 10/1D, 10/1E, 10/1F, 10/1G, 10/1H, 10/1J, 10/1K, 10/1L, 10/1M, 10/1N, 10/1P, 10/1Q, 10/1R, 10/1S, 10/1T, DAN SEBAHAGIAN LORONG TENGAH JALAN PUTRA PERMAI 10, PUTRA HEIGHT, SELANGOR DARUL EHSAN. (MBSJ.KUB.400-5/8/204)	G4 Kategori CE Pengkhususan CE 01 & CE 21	RM 200.00	27 Mac 2025 (Khamis)	Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan 17 April 2025 (Khamis) Sebelum jam 12.00 tengah hari
2.	KERJA-KERJAMENURAP SEMULA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN PUTRA INDAH 9/1, 9/2, 9/3, 9/5, 9/6, 9/7, 9/8, 9/9, 9/10, 9/11, 9/12, 9/13, 9/14, 9/15, 9/16, 9/17, 9/18, 9/19, 9/20, 9/21, 9/22, 9/23, 9/24, 9/25, 9/26, 9/27, 9/28, 9/29, 9/30, 9/31, SEBAHAGIAN LORONG TENGAH 9/31, DAN SEBAHAGIAN KAWASAN PERNIAGAAN JALAN PUTRA INDAH SEKSYEN 9, PUTRA HEIGHT, SELANGOR DARUL EHSAN. (MBSJ.KUB.400-5/8/208)				

Dokumen Meja Terkawal boleh dirujuk di laman sesawang Tender Online Selangor 2.0 <http://tender.selangor.my>.

Dokumen Tender hanya boleh diperolehi secara dalam talian melalui laman sesawang di <http://tender.selangor.my>. Petender juga adalah diminta untuk mengemaskini maklumat-maklumat syarikat di dalam laman sesawang tersebut.

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
www.mbsj.gov.my

SINAR HARIAN
27 MAR 2025

Tarikh:

84 27/3

Rasuah RM1,000: Polis wanita direman

SEREMBAN- Seorang anggota polis wanita direman lima hari kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM1,000 sebagai balasan mengurangkan hukuman denda berkaitan kes siasatannya.

Perintah reman terhadap suspek berusia 30-an dikeluarkan Majistret Fairuz Syuhada Amran selepas permpohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Seremban pada Rabu.

Menurut sumber, suspek ditahan di pejabatnya kira-kira jam 12 tengah hari pada Selasa.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada 20 Mac lalu," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awangkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail mengesahkan penahanan anggota tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban untuk direman.

SINAR HARIAN
27 MAR 2025

Tarikh:

Pegawai imigresen didenda RM3,000

Tertuduh mengaku salah terima suapan RM600

Oleh NIK AMIRULMUMIN
NIK MIN
Kuantan

Seorang pegawai imigresen didenda RM3,000 selepas mengaku salah atas dua tuduhan menerima rasuah dengan jumlah keseluruhan RM600 di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu.

Tertuduh, Rohaizi Ismail, 51, yang ketika itu bertugas di Jabatan Imigresen Pahang menerima wang berjumlah RM600 tanpa balasan daripada seorang individu yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya.

Suapan diterima daripada pengusaha pusat hiburan dan pusat refleksologi sebagai balasan mempercepatkan urusan proses permit pekerja asing.

Tertuduh didakwa menerima suapan RM300 secara berasingan di sebuah cawangan bank di Jalan



Tertuduh (tengah) diiringi pegawai SPRM keluar dari mahkamah selepas mengaku salah atas dua tuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Kuantan.

Bukit Ubi pada 15 Mei dan 30 Julai 2022.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali. Tertuduh turut berdepan

hukuman penjara satu bulan bagi setiap pertuduhan jika gagal menjelaskan denda.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kamariah Seman di hadapan Hakim Sazlina Safie.

Tertuduh diwakili peguam, Datuk Zaharman Zainal Abidin membayar denda berkenaan.

POH PALEH MEN!

SINAR HARIAN

Tarikh: 27 MAR 2025

SH
27/3

Kerajaan perlu tingkat tahap keselamatan siber

SHAH ALAM - Serangan siber terhadap Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) seharusnya membuka mata kerajaan dalam memenuhi keperluan mempertingkatkan tahap keselamatan siber di negara ini menerusi penyaluran dana tambahan.



**MUHAMAD
KHAIRULNIZAM**

Pensyarah Kanan Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah

Alam, Profesor Madya Dr Muhamad Khairulnizam Zaini berkata, walaupun Malaysia menunjukkan keupayaan berdepan serangan siber di KLIA baru-baru ini, beliau berpandangan sistem keselamatan siber sedia ada perlu terus diperkukuh supaya kejadian sama tidak berulang.

"Ancaman siber kini boleh dilakukan oleh kumpulan jenayah siber yang menggunakan kepakaran tinggi dan sumber besar dengan tujuan tertentu.

"Jadi terdapat keperluan untuk dana tambahan bagi meningkatkan keselamatan siber," katanya kepada *Sinar Harian*.

Muhamad Khairulnizam berpandangan, dengan adanya peruntukan dana tambahan, negara boleh mempertingkatkan infrastruktur keselamatan siber termasuk menggunakan teknologi-teknologi canggih dalam ekosistem keselamatan negara terkini.

"Sebagai contoh, kecerdasan buatan (AI) boleh digunakan untuk mengesan serangan siber dengan lebih efisien dan tepat dalam masa nyata," katanya.

Muhamad Khairulnizam turut berpendapat koordinasi kerjasama serantau antara negara jiran dalam ASEAN yang memiliki kepakaran dalam bidang ini amat penting bagi menangani ancaman siber yang semakin kompleks.

"Dalam konteks individu, organisasi atau industri, maka audit keselamatan siber mestilah berterusan.

"Contohnya, dalam konteks MAHB, ia memerlukan audit keselamatan siber atau maklumat secara berkala supaya tidak dieksploitasi pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

SINAR HARIAN
27 MAR 2025

Tarikh:

84
27/3

5.4 juta bakal terima bantuan SARA mulai 1 April

KUALA LUMPUR - Kerajaan Madani mengumumkan peluasan pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada 5.4 juta penerima bermula 1 April, meningkat hampir lapan kali ganda berbanding 700,000 penerima sedia ada.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan penerima yang layak akan menerima bantuan sehingga RM2,100, meningkat 75 peratus berbanding RM1,200 pada 2024.

"SARA merupakan pendekatan bantuan secara bersasar dengan sebahagian pertambahan hasil negara serta penjimatan daripada perbelanjaan subsidi diagihkan semula bagi membantu mereka yang benar-benar me-

merlukan.

"Penyaluran SARA melalui MyKad juga bersasar kerana kaedah tersebut memastikan golongan sasaran menerima manfaatnya dalam bentuk barangan asas," kata Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kenyataan sama.

Beliau berkata, peluasan ini adalah sebahagian daripada peningkatan peruntukan program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan SARA kepada RM13 bilion pada tahun ini, jumlah tertinggi dalam sejarah penyaluran bantuan tunai kerajaan kepada rakyat.

Sementara itu seramai 4.7 juta penerima STR yang tidak tersenarai dalam eKasih akan



Seramai 4.7 juta penerima STR yang tidak tersenarai dalam eKasih akan menerima bantuan baharu SARA RM50 sebulan bagi warga emas tiada pasangan dan RM100 sebulan untuk isi rumah bermula 1 April ini.

menerima bantuan baharu SARA RM50 sebulan bagi warga emas tiada pasangan dan RM100 se-

bulan ini.

Mulai tahun ini penyaluran SARA melalui MyKad akan diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan

Wilayah Persekutuan Labuan setelah sebelum ini hanya melibatkan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada 2024.

"Kaedah pelaksanaan yang seragam ini adalah penambahbaikan daripada tahun lepas, berbanding penyaluran bantuan secara tunai dua kali setahun kepada penerima SARA yang bermastautin di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan," menurut kenyataan itu.

Di bawah program SARA, penerima boleh membeli barangan keperluan asas terpilih dengan menggunakan MyKad di kedai-kedai runcit berdaftar yang kini berjumlah lebih 3,500 buah di seluruh negara, berbanding 700 buah pada 2024. - *Bernama*

Pembiayaan Islam kekal stabil

Dijangka akan berkembang
sebanyak lapan peratus
pada tahun ini

KUALA LUMPUR

8/4 2/3

RAM Rating Services Bhd (RAM Ratings) menjangkakan pertumbuhan pembiayaan Islam akan berkembang pada kadar stabil sebanyak lapan peratus pada 2025 walaupun menghadapi cabaran dan ketidakpastian global.

Agensi penarafan kredit itu berkata, pembiayaan Islam kini merangkumi 43 peratus daripada jumlah pinjaman sistem perbankan pada penghujung 2024, berbanding 42 peratus pada 2023.

Dalam satu kenyataan pada Rabu, Ketua Bersama Penarafan Institusi Kewangan, Wong Yin Ching berkata, pengaruh dan kepentingan industri perbankan Islam akan terus berkembang berikutan dasar 'Mengutamakan Islam' yang diterapkan oleh pemain utama dalam perbankan dan sokongan kawal selia.



FOTO HIASAN

RAM Ratings jangka pertumbuhan pembiayaan Islam akan berkembang pada kadar stabil sebanyak lapan peratus pada 2025.

Menurut agensi penarafan itu, pertumbuhan deposit industri Islam, walaupun meningkat kepada 5.9 peratus pada 2024 berbanding 5.2 peratus pada tahun sebelumnya, masih ketinggalan berbanding pengembangan kredit.

"Deposit tetap Islam kekal menjadi pendorong utama pertumbuhan deposit, dengan peningkatan sebanyak 7.4 peratus berbanding 4.4 peratus pada 2023. Deposit Akaun Semasa dan Simpanan (CASA) berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 8.5 peratus berbanding 10.0 peratus pada 2023," katanya.

Sementara itu, akaun pelaburan pelanggan (IA) berkembang sebanyak 17.5 peratus pada 2024, hampir dua kali ganda berbanding dengan pertumbuhan 9.4 peratus pada 2023.

RAM Ratings berkata, bahawa IA merangkumi lapan peratus daripada jumlah pembiayaan industri perbankan Islam pada penghujung 2024 berbanding tujuh peratus pada tempoh yang sama tahun lepas.

Agensi penarafan itu berkata, kebanyakan bank Islam mencatatkan margin yang lebih baik pada 2024, berbeza dengan sektor perbankan secara ke-

seluruhannya, terutamanya disebabkan oleh nisbah pembiayaan kepada deposit yang lebih tinggi, persaingan deposit yang lebih rendah, strategi penetapan harga yang berdisiplin dan usaha yang disasarkan untuk meningkatkan deposit CASA.

Ia berkata, margin pembiayaan bersih industri perbankan Islam meningkat pada 1.93 peratus tahunan untuk sembilan bulan pertama 2024 (9M 2024), berbanding 1.84 peratus tahunan pada 9M 2023.

"Ini, ditambah dengan peningkatan pendapatan bukan pembiayaan dan pertumbuhan pembiayaan yang sihat, mendorong pulangan sebelum cukai ke atas aset berlawanan risiko industri kepada 2.22 peratus tahunan daripada 2.12 peratus tahunan pada 9M 2023," katanya.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, RAM Ratings berkata, pembiayaan Islam terus mengatasi pertumbuhan pinjaman perbankan konvensional, menyumbang purata 72 peratus kepada pertumbuhan pinjaman dalam lima tahun kebelakangan ini.

Ia berkata, pembiayaan Islam mencatatkan pertumbuhan pinjaman sebanyak 8.1 peratus pada 2024 berbanding 3.7 peratus untuk perbankan konvensional. - Bernama

84
23/3

Dua hari diskaun tol 50 peratus

Berlangsung pada 28 dan 29 Mac sempena Hari Raya Aidilfitri

Oleh **NOR FARHANA YAACOB**
MELAKA

Kerajaan mengumumkan pemberian diskaun tol 50 peratus selama dua hari di lebuh raya terpilih sempena Hari Raya Aidilfitri bagi meringankan beban rakyat dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pemberian diskaun 50 peratus daripada kadar biasa tol akan dilaksanakan bermula pada jam 12.01 tengah

malam 28 Mac 2025 (Jumaat) dan berakhir tengah malam 29 Mac 2025 (Sabtu).

Menurutnya, keputusan itu diambil selepas Kabinet sebulat suara meneruskan bantuan tol bagi musim perayaan seperti sebelum ini.

"Pemberian diskaun tol ini merupakan kesinambungan kepada bantuan tol musim perayaan yang telah diberikan Kerajaan Madani bagi keempat-empat musim perayaan utama di Semenanjung sejak 2023.

"Ini selaras dengan teras utama Kerajaan Malaysia Madani iaitu Kesejahteraan dan Ihsan dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat," katanya ketika sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di sebuah syarikat konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan di Taman Tasik Utama (TTU) Ayer Keroh

di sini pada Rabu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kapit berkata, pemberian diskaun tol itu membabitkan implikasi kewangan yang ditanggung kerajaan sebanyak RM19.69 juta sebagai bayaran pampasan kepada syarikat konsesi tol terlibat.

"Bagaimanapun diskaun ini tidak terpakai di plaza tol di sempadan negara iaitu Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan Plaza Tol Tanjung Kupang Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA)," katanya.

Alexander berkata, pengguna lebuh raya di harap dapat memanfaatkan diskaun tol ini dengan sebaiknya dan merancang perjalanan dengan sewajarnya bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas.



Alexander (kiri) ketika hadir mengadakan tinjauan kerja ke sebuah syarikat konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan di Taman Tasik Utama (TTU) Ayer Keroh pada Rabu.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...2-7-MAR-2025.....

432 lokasi panas, 122 titik hitam dikesan di seluruh negara

Bangi Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenal pasti 432 lokasi panas (*hotspot*) dan 122 titik hitam (*blackspot*) di lebuhraya dan jalan persekutuan di seluruh negara dalam Op Selamat 24 sempena Aidilfitri, bermula 29 Mac hingga 3 April ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, seramai 6,957 anggota dan pegawai Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) di seluruh negara dikerahkan bagi kawalan trafik sempena Hari Raya Aidilfitri.

Menurutnya, ia melibatkan seramai 871 pegawai kanan dan 6,086 anggota. "Sebanyak 25 lokasi 'hotspot' dan 46 lokasi 'blackspot' dikenal pasti di lebuhraya utama. Selain itu, sebanyak 407 lokasi panas

76 lokasi blackspot dikenal pasti seluruh negara dan daerah melibatkan jalan persekutuan, jalan negeri, jalan bandaran dan lain-lain jalan," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek Kerjasama Strategik untuk Akti-

viti Pendidikan dan Penyelidikan. Dalam Bidang Sains Forensik antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan UKM di sini, semalam. Ayob berkata, pemantauan dibuat secara berterusan bagi memberi bantuan kepada pengguna ja-

lan raya sekiranya menghadapi masalah kerosakan kenderaan atau kecemasan. "Tindakan penguatkuasaan juga diambil terhadap pengguna jalan raya yang ingkar melakukan kesalahan yang menjurus kepada kemalangan," katanya.

Kerajaan sedia salur Sara mulai 1 April ini

HM 27/3
Langkawi: Kerajaan sudah bersedia menyalurkan Sumbangan Asas Rahmah (Sara) yang ditambah baik dengan peruntukan RM13 bilion kepada 5.4 juta penerima menerusi MyKad, mulai 1 April ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) Kementerian Keuangan Datuk Zamzuri Abdul Aziz berkata, mulai tarikh itu, penerima Sara akan menerima bantuan tanpa tunai yang dikreditkan automatik ke dalam MyKad.

"Ya, kita sudah bersedia (menyalurkannya) dengan bantuan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mulai 1 April ini, dan kita harap bantuan itu dapat membantu penerima Sara mengatur kehidupan dengan lebih sejahtera.

"Kerajaan sudah bersejajar membuat penambahbaikan Sara dengan

peruntukan besar iaitu RM13 bilion tahun ini, berbanding RM10 bilion tahun lalu," katanya pada sidang media, di sini, kelmarin.

Terdahulu, beliau menghadiri Program Jelajah Ramadan Siri 3/2025 anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Kampung Chandek Kura, di sini.

Zamzuri berkata, mulai April ini, kadar bantuan Sara iaitu bantuan barangan keperluan asas tanpa tunai ditingkatkan kepada RM200 sebulan, berbanding RM100 sebulan sebelum ini.

Untuk rekod, jumlah penerima Sara seramai 5.4 juta mengambil kira 4.7 juta penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang bakal dimasukkan sebagai penerima baharu Sara pada tarikh itu, bersama 700,000 penerima sedia ada.

Kelantan beri duit raya RM500, cuti 30 Mac

HM
27/3

Kota Bharu: Kelantan semalam mengumumkan bantuan khas Aidilfitri sebanyak RM500 kepada 9,000 penjawat awam di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Mohd Nassuruddin Daud, berkata bantuan itu akan diberikan hari ini.

"Hasil mesyuarat hari ini (semalam), kita bersetuju memberi bantuan khas Aidilfitri kepada semua penjawat awam sebanyak RM500 seorang membatik kos RM5 juta.

"Selain itu, bayaran penghargaan ini turut diterima pegawai lantikan

politik termasuk ahli majlis, penghulu, penyelaras pembangunan armalah, guru pondok, guru al-Quran dan guru jahitan sebanyak RM250," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat Exco di sini, semalam.

Katanya, bantuan itu bagi menghargai jasa dan bakti mereka yang berkhidmat selama ini.

Beliau turut mengumumkan kerajaan negeri bersetuju menjadikan Ahad, 30 Mac 2025 Hari Kelepasan Am (cuti peristiwa) sempena Aidilfitri.

SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA)

5.4 juta terima RM2,100 1 April ini

Oleh Suzalina Halid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 5.4 juta penerima Sumbangan Asas Rahmah (Sara) layak menerima bantuan itu secara keseluruhannya sehingga RM2,100 sepanjang tahun ini, bermula 1 April ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan Madani meluaskan pelaksanaan Sara membabitkan peningkatan hampir lapan kali ganda berbanding 700,000 penerima sedia ada.

"Penerima yang layak akan menerima bantuan SARA sehingga RM2,100 secara keseluruhan pada tahun ini, berbanding RM1,200 pada tahun 2024.

"Ia membabitkan peningkatan 75 peratus daripada tahun lepas. Bantuan ini akan dikreditkan secara bulanan ke MyKad penerima di seluruh negara, termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan," katanya melalui kenyataan, semalam.

Pada masa sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, peluasan bantuan itu adalah sebahagian daripada peningkatan peruntukan program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan SARA kepada RM13 bilion pada tahun ini.

Beliau berkata, ia sekali gus mencatatkan jumlah tertinggi dalam sejarah penyaluran bantuan tunai kerajaan kepada rakyat.

"SARA adalah pendekatan bantuan secara bersasar di mana sebahagian pertambahan hasil negara



PEKERJA swasta, Shahrulnaim Salim, 28, (kiri) bersama isterinya, Nur Liyana Zaini, 26, membeli barangan keperluan ketika tinjauan penerima Sumbangan Asas Rahmah (Sara) di sebuah pasar raya di Tambun, Perak. Penerima Sara akan menerima bantuan tanpa tunai yang dikreditkan automatik ke dalam MyKad mulai 1 April ini.

serta penjimatan daripada perbelanjaan subsidi digantikan semula bagi membantu mereka yang benar-benar memerlukan.

"Penyaluran SARA melalui MyKad juga bersasar kerana kaedah itu memastikannya golongan sasaran menerima manfaatnya dalam bentuk barangan asas," katanya.

Beliau berkata, 5.4 juta penerima adalah terdiri daripada 700,000 penerima SARA sedia ada di dalam rekod eKasih yang menerima bantuan itu sejak Januari lalu.

Katanya, mulai 1 April ini, mereka menerima

bantuan tambahan SARA RM50 sebulan untuk golongan warga emas tiada pasangan dan RM100 sebulan untuk isi rumah.

"Penerima juga terdiri daripada 4.7 juta penerima STR sedia ada yang tidak berada di dalam rekod eKasih. Mulai 1 April ini, mereka akan menerima bantuan baharu SARA sebanyak RM50 sebulan untuk golongan warga emas tiada pasangan dan RM100 sebulan untuk isi rumah.

"Mulai tahun ini, penyaluran SARA melalui penggunaan MyKad diperluas ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan

Labuan berbanding hanya di negeri Semenanjung pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, kaedah pelaksanaan seragam ini penambahbaikan daripada tahun lalu, berbanding penyaluran bantuan secara tunai dua kali setahun kepada penerima SARA yang bermastautin di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, di bawah program SARA, penerima boleh membeli barangan keperluan asas terpilih dengan menggunakan MyKad di kedai runcit berdaftar yang kini berjumlah lebih 3,500 b di seluruh negara.



ORANG ramai yang memandu kenderaan persendirian Kelas 1 bakal menikmati diskaun tol 50 peratus.

Diskaun tol 50 peratus sempena Aidilfitri

- Selama dua hari ^{27/3} di semua plaza tol
- Hanya kepada kenderaan persendirian Kelas 1

PETALING JAYA - Kerajaan Madani mengumumkan pemberian diskaun tol sebanyak 50 peratus kepada pengguna lebuhraya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Kabinet semalam sebagai salah satu usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat serta memastikan kelancaran perjalanan sepanjang musim

perayaan.

"Pemberian diskaun tol ini akan dilaksanakan bermula dari pukul 12.01 tengah malam 28 Mac 2025 (Jumaat) dan akan berakhir pada pukul 11.59 malam 29 Mac 2025 (Sabtu).

"Implikasi kewangan yang ditanggung Kerajaan Madani dianggarkan sebanyak RM19.69 juta sebagai bayaran pampasan kepada semua syarikat konsesi tol yang terlibat," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, diskaun tol itu akan diberikan hanya kepada kenderaan persendirian Kelas 1 di semua plaza tol kecuali di sempadan negara iaitu Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Lebuhraya Utara-Selatan dan Plaza Tol Tanjung Kupang Lebuhraya La-

luhan Kedua Malaysia-Singapura (Link kedua).

Menurutnya, pemberian diskaun ini adalah kesinambungan kepada bantuan tol musim perayaan yang telah diberikan sejak tahun 2023 bagi keempat-empat musim perayaan utama di Semenanjung.

"Ta selaras dengan teras utama Kerajaan Malaysia Madani iaitu Kesejahteraan dan Ihsan dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

"Semua pengguna lebuhraya diharapkan dapat memanfaatkan diskaun tol ini dengan sebaiknya dan merancang perjalanan dengan sewajarnya bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas semasa cuti panjang ini," katanya.

KOSMO

MAR 2025

Tarikh:

Penjawat awam Johor dapat RM1,000, Kelantan RM500

Uhr Koko
27/3

ISKANDAR PUTERI – Seramai 20,821 penjawat awam di Johor bakal menerima bantuan khas kewangan sempena Aidilfitri 2025 berjumlah RM1,000 yang akan disalurkan pada minggu pertama perayaan itu.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, mereka yang bakal menerima manfaat itu termasuk yang berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan berkanun negeri.

Katanya, sempena Aidilfitri, kerajaan negeri melalui pelbagai agensi juga memperuntukkan lebih RM30 juta bagi meredakan beban masyarakat.

"Ini termasuklah RM18.4 juta Bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada 90,439 asnaf fakir dan miskin, Bantuan Khas Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM5.4 juta kepada 54,901 anggota barisan hadapan seperti polis, tentera, bomba, doktor dan jururawat.

"RM3.4 juta pula bantuan one-off kepada 6,970 imam dan bilal," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah Onn Hafiz, antara peruntukan lain termasuk Bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada 5,000 Orang Asli daripada asnaf muallaf dan RM70,000 untuk Tajaan Pengangkutan Mahasiswa Anak Johor Pulang ke Kampung membawa 550 mahasiswa menaiki 30 bas.

"Bantuan ini merupakan tambahan kepada peruntukan RM11.24 juta yang akan disalurkan kepada 3,749 Ketua Isi Rumah (KIR) berdaftar di pusat pemindahan sementara.

"Setiap KIR akan menerima

sebanyak RM3,000 yang akan diberi serentak di enam daerah yang terjejas pada 27 Mac 2025," ujarnya.

Di **Kota Bharu**, 9,000 kakitangan perkhidmatan awam di Kelantan menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri 2025 sebanyak RM500.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd. Nassuruddin Daud berkata, sumbangan BKK yang melibatkan kos sebanyak RM5 juta akan disalurkan hari ini sama seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Pusat.

Menurutnya, bantuan itu turut melibatkan pegawai-pegawai lantikan politik, guru-guru pondok, namun dengan nilai berlainan kerana mereka bukan tergolong dalam kalangan kakitangan kerajaan negeri.

"Selain itu, kerajaan negeri mengumumkan 30 Mac atau Ahad ini sebagai cuti peristiwa bagi memberi keselesaan kepada seluruh rakyat membuat persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Ini bermakna rakyat Kelantan akan bercuti panjang sempena sambutan Aidilfitri tahun ini, bermula Jumaat hingga hari kedua Syawal pada Selasa," katanya selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Kelantan semalam.

Kelmarin, lebih 14,000 penjawat awam di Terengganu juga akan menerima Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM500 yang dibiayai Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri Terengganu turut mengumumkan Ahad ini iaitu 30 Mac sebagai hari kelepasan am sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

KOSMO

Tarikh: 27 MAR 2025

Kosmo
27/3



FAHMI bercakap pada sidang akhbar pasca mesyuarat Kabinet di Putrajaya semalam.

Kuota data percuma 5GB pada 1 Syawal

PUTRAJAYA – Semua rakyat Malaysia yang juga pengguna perkhidmatan telekomunikasi akan menikmati kuota tambahan minimum 5GB secara percuma pada hari raya pertama yang dijangka Isnin ini.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, insentif itu terpakai kepada semua pengguna perkhidmatan telekomunikasi warga Malaysia sama ada menggunakan prabayar atau pascabayar.

“Tambahan kuota data ini sah

bagi tempoh minimum 24 jam tertakluk kepada terma dan syarat penawaran syarikat penyedia telekomunikasi iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, TM Tech, YTL Communications, Pavo Comms, Tune Talk, REDtone dan XOX Com.

“Insentif itu adalah usaha Kementerian Komunikasi dengan kerjasama strategik syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi ini sejajar dengan hasrat Kerajaan Madani.

“Maklumat lanjut mengenai insentif ini akan diumumkan oleh

syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi,” katanya pada sidang akhbar pasca mesyuarat Kabinet di sini semalam.

Katanya, secara keseluruhannya sekitar 45 juta pengguna perkhidmatan telekomunikasi berdaftar di negara ini.

Ditanya berapa banyak kos ditanggung kerajaan bagi menyediakan insentif itu, Fahmi berkata, kos insentif itu tidak ditanggung kerajaan, sebaliknya ditawarkan secara percuma oleh syarikat penyedia telekomunikasi.

KOSMO

27 MAR 2025

Tarikh:

Sara diperluas kepada 5.4 juta orang

- Berbanding 700,000 penerima sedia ada
- Sumbangan disalurkan mulai 1 April ini

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kerajaan memperluaskan Sumbangan Asas Rahmah (Sara) kepada 5.4 juta penerima bermula 1 April ini iaitu peningkatan hampir lapan kali ganda berbanding 700,000 orang sedia ada.

Penerima yang layak akan menerima bantuan Sara sehingga RM2,100 secara keseluruhan pada tahun ini, berbanding RM1,200 pada tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 75 peratus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif Sara merupakan pendekatan bantuan secara bersasar.

Katanya, sebahagian pertambahan hasil negara serta penjimatan daripada perbelanjaan subsidi diagihkan semula bagi membantu mereka yang benar-benar memerlukan.

"Penyaluran Sara melalui MyKad juga bersasar kerana kaedah tersebut dapat memastikan golongan sasaran menerima manfaatnya dalam bentuk barangan asas.

"Peluasan penerima merupakan sebahagian daripada peningkatan peruntukan program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan



PENERIMA Sara boleh membeli barangan keperluan asas di kedai-kedai runcit terpilih dengan hanya menggunakan MyKad. – GAMBAR HIASAN

Sara kepada RM13 bilion pada tahun 2025, iaitu jumlah tertinggi dalam sejarah penyaluran bantuan tunai kerajaan kepada rakyat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bantuan tersebut akan dikreditkan secara bulanan menerusi MyKad penerima di seluruh negara, termasuk Sabah,

Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurut Kementerian Kewangan, jumlah 5.4 juta penerima itu terdiri daripada 700,000 penerima Sara sedia ada dalam rekod eKasih yang telah menerima bantuan sejak Januari lalu.

Seramai 4.7 juta penerima STR yang tidak tersenarai dalam

eKasih pula akan menerima bantuan baharu Sara sebanyak RM50 sebulan bagi warga emas tiada pasangan dan RM100 sebulan untuk isi rumah bermula 1 April ini.

Mulai tahun ini, penyaluran Sara melalui MyKad akan diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

berbanding hanya di negeri-negeri Semenanjung pada 2024.

Di bawah program Sara, pemanafaat boleh membeli barangan keperluan asas terpilih dengan menggunakan MyKad di kedai-kedai runcit berdaftar yang kini berjumlah lebih 3,500 buah di seluruh negara, berbanding 700 buah pada 2024.

KOSMO

27 MAR 2025

Tarikh:

Kosmo 27/3

Polis pantau lokasi kerap berlaku kemalangan, kesesakan



OP Selamat 24 sempena Hari Raya Aidilfitri akan mula dikuatkuasakan bermula 29 Mac hingga 3 April ini.

BANGI – Sebanyak 554 lokasi di lebuhraya serta jalan Persekutuan seluruh negara yang berisiko tinggi berlaku kesesakan dan kemalangan telah dikenal pasti menerusi Op Selamat 24 sempena Hari Raya Aidilfitri.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, ia membabitkan 25 'hotspot' dan 46 'blackspot' di lebuhraya utama.

"Seramai 6,957 pegawai dan anggota Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) akan dikerahkan bagi memastikan kelancaran lalu lintas sepanjang musim perayaan terutama

di lokasi dikenal pasti itu.

"Anggota bertugas terdiri 871 pegawai kanan dan 6,086 anggota akan ditempatkan di lokasi strategik bagi mengawal keadaan trafik serta menjalankan pemantauan berterusan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambah Ayob Khan, anggota yang ditugaskan juga berperanan menunjukkan keberadaan pegawai dan anggota JSPT di lokasi 'hotspot' dan 'blackspot' ini.

Op Selamat 24 akan dikuatkuasakan bermula 29 Mac hingga 3 April depan, namun hampir 7,000 pegawai dan anggota JSPT akan mula mengurus kelancaran

lalu lintas melalui Op Lancar sejak Ahad lalu.

Dalam pada itu, PDRM menasihatkan pengguna jalan raya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas serta bersabar ketika memandu bagi memastikan keselamatan semua pihak.

"Pengguna jalan raya juga disarankan memastikan kenderaan mereka dalam keadaan baik dengan melakukan pemeriksaan fizikal sebelum perjalanan.

"Selain itu, pemandu dinasihatkan mendapatkan tidur mencukupi sebelum memulakan perjalanan jauh bagi mengelakkan risiko kemalangan," katanya.

KOSMO

tarikh: 27 MAR 2025

Wang baharu telah dibolot ejen yang tawar khidmat penukaran

Caj RM10 untuk tukar duit raya

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA DAN KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamula.com.my



PETALING JAYA: Antara perkara paling sinonim setiap kali tibanya musim perayaan khususnya Hari Raya Aidilfitri adalah pemberian duit raya.

Maka, tidak hairanlah sekiranya bank atau institusi kewangan menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan wang kertas baharu dan not tertentu seperti RM1, RM5 dan RM10 untuk diagihkan sebagai duit raya.

Bagaimanapun, seiring dengan peredaran zaman, tidak ramai yang sanggup beratur lama di bank untuk tujuan itu, sebaliknya menggunakan perkhidmatan menukar duit raya melalui ejen atau *runner*.

Di Pulau Pinang khususnya, perkhidmatan ejen untuk menukar duit raya semakin banyak dan lebih terbuka.

Sebelum ini, perkhidmatan tersebut hanya diiklankan di laman sosial sahaja, tetapi kini ejen yang terlibat sudah berani untuk membuka meja di bazar Ramadan atau bazar Aidilfitri

RATA-RATA ejen yang menawarkan perkhidmatan tukar duit raya mengenakan upah antara RM5 hingga RM10 bagi setiap RM100 yang ditukarkan.

yang menjadi tumpuan orang ramai.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, rata-rata ejen menawarkan perkhidmatan itu dengan kadar upah RM5 bagi setiap nilai RM100 yang ditukar.

Ada juga ejen yang meletakkan upah sehingga RM10 bagi kadar tukaran sama, namun menawarkan diskaun andai penukaran dibuat dalam kuantiti

banyak, selain memberikan hadiah seperti sampul duit raya dan sebagainya.

Ejen yang hanya mahu dikenali sebagai Zack, 36, berkata, dia menawarkan perkhidmatan itu bagi memudahkan orang ramai yang tidak sempat ke bank pada waktu pagi atau hari bekerja.

Zack berkata, pada permulaannya, dia berkongsi modal dengan

beberapa rakan untuk mendapatkan duit raya itu lebih awal dari bank sebelum menjalankan urusan niaga tersebut.

"Kami sudah tiga tahun buat servis ini kerana permintaan untuk menukar duit raya sememangnya tinggi.

"Dulu mungkin tidak ramai yang menawarkan servis ini. Sekarang, banyak persaingan. Apapun, kami tidak pernah memaksa pelanggan untuk menukar duit raya dengan kami. Kalau setuju (dengan upah yang dikenakan), kita jalan. Itu sahaja," katanya.

Seorang lagi ejen, Ahmad Farid, 31, berkata, dia menerima pelbagai reaksi daripada orang ramai ketika mula-mula menjalankan perkhidmatan itu tahun lalu.

"Ada yang kata saya tak patut caj lebih, saya ambil riba dan macam-macam. Bagi saya, saya cuma mengambil upah penat saya menunggu di bank untuk dapatkan duit raya itu. Selain duit minyak bagi pelanggan yang mahukan servis COD (bayar ketika penghantaran). Salah ke," soalnya.

Sementara itu, di Terengganu, orang ramai kecewa kerana gagal menukar duit raya, berikutan dipercayai didominasi golongan ejen yang mengambil kesempatan terutama pada minggu terakhir Ramadan.

Mereka menyifatkan, caj perkhidmatan juga terlalu tinggi iaitu RM10 untuk setiap RM100 nilai pertukaran.

Peniaga, Zulfadli Azim, 39 berkata, dia tidak berpuas hati apabila dimaklumkan oleh pengurusan beberapa buah bank di Kuala Terengganu bahawa wang kertas baharu sudah habis ditukar minggu ini.

"Sebaliknya, ramai pula ejen yang mengiklankan khidmat penukaran wang kertas baharu dalam media sosial dengan caj tertentu, kononnya mahu membantu orang ramai tanpa perlu beratur panjang di bank.

"Ini adalah satu taktik licik pihak tidak bertanggungjawab yang menekan pengguna kerana terpaksa memperuntukkan sejumlah wang yang besar hanya untuk menukar wang kertas baharu," katanya.

UM 27/3

150 anggota polis bertugas pecah tanah Masjid Madani

KUALA LUMPUR – Kira-kira 150 anggota polis ditugaskan pada majlis pecah tanah dan peletakan batu asas pembinaan masjid di tapak Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India di sini hari ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd. Isa berkata, kawalan yang akan dijalankan adalah sama seperti majlis-majlis perasmian yang diadakan sebelum ini.

"Kawalan atau persediaan anggota adalah sama seperti majlis perasmian yang berlangsung sebelum ini.

"Kita menugaskan seramai 150 anggota untuk bersiap siaga bagi memantau situasi di lokasi tersebut," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.



Anwar berinteraksi dengan barisan pegawai polis ketika hadir pada Sambutan Hari Pekerja Hari Pekerja ke-57 di Kuala Lumpur semalam.

Pecah tanah Masjid Madani esok

DARI MUKA

"Dengan jalan, jalan orang, jalan orang, tapi jangan tak indakan apa apa. Kawasan masjid berdekatan masjid, perkhidmatan tempoh ibadah... "Mudah" itu saya imedasi untuk berakrab baik akan masjid pada 27 Mac ini. Kalaupun saya mahu jemaahannya sah.

“

Bila dia peribadi Perdana baharu diilahirkan mula mer

KERATAN KOSMO! semalam.

Kosmo! semalam melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tetap akan meneruskan program pecah tanah di tapak Masjid

Madani, Jalan Masjid India yang akan berlangsung hari ini.

Anwar dilaporkan berkata, kawasan berdekatan sesak dan satu masjid baharu diperlukan di lokasi tersebut bagi menampung umat Islam yang mahu beribadah.

Pada 20 Mac lalu, media melaporkan proses perbincangan mengenai perpindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman yang terletak atas tanah milik Jakel Group berjalan secara harmoni antara pihak syarikat, pengurusan kuil dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pihak pengurusan rumah ibadat itu juga bersetuju untuk berpindah ke tapak baharu yang terletak kira-kira 50 meter dari lokasi asal.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 27 MAR 2025.....

Kerajaan beri kuota tambahan data 5GB Hari Raya pertama



Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Semua rakyat Malaysia yang juga pengguna perkhidmatan telekomunikasi akan menikmati kuota tambahan minimum 5GB pada Hari Raya pertama ini.

Berita gembira itu diumumkan Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil pada sidang akhbar pasca mesyuarat

Kabinet di sini semalam.

Menurutnya, insentif itu terpakai bagi semua pengguna perkhidmatan telekomunikasi warganegara Malaysia sama ada yang menggunakan prabayar atau pascabayar.

“Tambahan kuota data ini sah bagi tempoh minimum 24 jam tertakluk kepada terma dan syarat penawaran syarikat penyedia telekomunikasi iaitu *CelcomDigi, Maxis, U Mobile, TM Tech, YTL Communications, Pavo Comms, Tune Talk, REDtone* dan *XOX Com*.”

“Insentif itu adalah usaha Kementerian Komunikasi dengan kerjasama strategik syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi ini sejajar dengan

hasrat Kerajaan Madani.

“Maklumat lanjut mengenai insentif ini akan diumumkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi,” katanya.

Katanya, secara keseluruhannya sekitar 45 juta pengguna perkhidmatan telekomunikasi berdaftar di negara ini.

Ditanya berapa banyak kos ditanggung kerajaan bagi menyediakan insentif itu, Fahmi berkata, kos insentif itu tidak ditanggung kerajaan sebaliknya ditawarkan secara percuma oleh syarikat penyedia telekomunikasi.

“Ia (insentif) bukan ditanggung oleh kerajaan sebaliknya syarikat penyedia telekomunikasi,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 4 / MAR 2025

Digitalisasi, AI merevolusikan perkhidmatan sektor awam

27/3

• Seiring perubahan teknologi ini, kepimpinan tradisional yang berasaskan hierarki, struktur ketat dan kawalan kuasa juga perlu berubah kepada pendekatan lebih terbuka serta fleksibel

• Transformasi digital dalam perkhidmatan awam bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan. Namun, kejayaan revolusi ini bergantung kepada strategi yang betul dalam penerapan AI dan teknologi



Oleh Akmal Ariff Zainul Ariff
bhrencana@bh.com.my

Hampir empat tahun selepas COVID-19 melanda dunia, kesannya masih dirasai dan mengubah banyak aspek kehidupan pada masyarakat hari ini.

Pandemik menyebabkan transformasi cara bekerja baharu seperti pengenalan dan pelaksanaan persidangan secara dalam talian, pembelajaran digital serta bekerja dari rumah (BDR), sekali gus merevolusikan cara bekerja.

Hari ini, perkhidmatan awam tidak terkecuali memanfaatkan teknologi digital, termasuk memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) bagi menambah

baik penyampaian perkhidmatan.

Penggunaan *chatbot*, aduan awam, bayaran bil dan pemrosesan borang permohonan dalam talian kini banyak merubah pandangan masyarakat terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

Dasar digitalisasi dan sistem elektronik kerajaan secara tidak langsung meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Proses seperti pembayaran dan permohonan digital yang dahulunya memerlukan kehadiran fizikal kini boleh dicapai secara dalam talian.

Namun, dengan revolusi AI, wujud keperluan bagi menilai dan menambah baik sistem lama berasaskan teknologi usang dan bertunjangan keperluan jangka pendek.

Perubahan pesat teknologi memberi kesan besar terhadap sistem warisan dalam perkhidmatan awam.

Bagi menangani cabaran ini, Kementerian Digital serta Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) bertanggungjawab mengeluarkan garis panduan penggunaan AI dalam kalangan penjawat awam dan masyarakat.

Majlis Digital Negara (MDN) ditubuhkan bagi memastikan teknologi diperkenalkan sesuai dengan aspirasi Digital Malaysia. Bidang seperti analitik data, pengkomputeran awam, internet kebendaan (IoT) dan data besar perlu diterapkan dalam budaya perkhidmatan awam.

Teknologi sudah banyak mengubah cara bekerja, bukan sahaja meningkatkan jangkauan orang awam, tetapi juga dalam kalangan pekerja sektor kerajaan sendiri.

Tugas manual boleh dipercepatkan

Inisiatif Pendigitalan Sektor Awam menerusi Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) seperti kolaboratif merentas agensi, perkongsian infrastruktur, perkongsian data dan maklumat mula diperkenalkan.

Inisiatif ini dapat memperluaskan kemudahan dan infrastruktur kepada seluruh perkhidmatan awam di seluruh negara dalam memberi akses aplikasi AI dalam pelaksanaan norma kerja baharu perkhidmatan awam.

Tugas manual kini boleh dipercepatkan dengan perkongsian data dan maklumat bagi memproses permohonan dengan menggunakan kod Respons Pantas (QR).

Seiring perubahan teknologi ini, kepimpinan

tradisional yang berasaskan hierarki, struktur ketat dan kawalan kuasa juga perlu berubah kepada pendekatan lebih terbuka serta fleksibel.

Pemimpin hari ini perlu bersedia menghadapi perubahan pesat, memberikan kuasa kepada pekerja serta menggalakkan pemerkasaan dalam pembuatan keputusan.

Dalam hal ini, konsep kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI) memainkan peranan penting bagi membentuk budaya kerja lebih dinamik serta berdaya saing.

Berbekalkan gabungan desentralisasi kuasa dan DEI serta penggunaan AI dalam perkhidmatan awam, norma dan etika kerja tradisional akan terus dicabar.

Sistem pengurusan dokumen digital seperti Sistem Pengurusan Pangkalan Data Digital (DDMS) membolehkan fail diakses dengan mudah



Perubahan pesat teknologi memberi kesan besar terhadap sistem warisan dalam perkhidmatan awam

pada bila-bila masa.

Perkongsian maklumat melalui wadah seperti Google Docs, Google workspace Gemini Tools dan sistem kolaboratif lain mempercepatkan pelaksanaan kerja tanpa mengira lokasi.

Pada masa sama, kerahsiaan dan keselamatan data, ketelusan algoritma serta kebergantungan kepada teknologi luar adalah antara cabaran perlu dihadapi kerajaan dan banyak pihak hari ini.

Hakikat perlu disedari, garis panduan penggunaan AI dalam kerajaan sudah dibangunkan Kementerian Digital dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025, iaitu Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Digital Kerajaan Melalui Inisiatif Kemunculan Teknologi Baharu.

Pelan ini menggariskan program bagi mengenal pasti projek kemunculan teknologi baharu berimpak tinggi untuk pelaksanaan di agensi sektor awam.

Selain itu, Pelan Hala Tuju AI Kebangsaan 2021-2025 dibangunkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), menekankan pentingnya kod etika AI bagi membina kepercayaan dan daya tahan ekosistem digital.

Garis panduan urus tadbir dan etika AI dapat mengukuhkan undang-undang sedia ada seperti Akta Keselamatan Siber 2024 yang mula berkuat kuasa 26 Ogos 2024 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Pindaan).

Latihan etika kepenggunaan AI dalam perkhidmatan awam perlu diteruskan dan dikembangkan ke seluruh negara bagi mewujudkan budaya AI dalam perkhidmatan awam.

Galak kerjasama awam-swasta

Kerajaan perlu melihat beberapa perkara untuk kemajuan perkhidmatan awam seperti memodenkan infrastruktur AI dengan menggantikan sistem lama dengan teknologi moden.

Selain itu, meningkatkan literasi digital penjawat awam dengan sentiasa memberi latihan teknologi baharu dan menetapkan dasar AI rapi supaya keselamatan kepenggunaan AI penjawat awam terjamin.

Transformasi digital dalam perkhidmatan awam bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan. Namun, kejayaan revolusi ini bergantung kepada strategi yang betul dalam penerapan AI dan teknologi.

Langkah boleh diambil adalah seperti memodenkan sistem warisan dalam perkhidmatan awam supaya serasi dengan teknologi baharu, selain mengadaptasi norma kerja fleksibel bagi menarik bakat muda lebih celik teknologi.

Ia termasuk meningkatkan kebolehpercayaan AI dengan dasar melindungi keselamatan dan kerahsiaan rakyat serta menggalakkan kerjasama awam-swasta dalam membangunkan dan membudayakan penggunaan AI dalam perkhidmatan awam.

Menerusi langkah ini, Malaysia dapat terus berdiri teguh dalam era digital sambil memastikan revolusi AI membawa manfaat yang inklusif dan mampan untuk semua.

Workforce sustainability concerns rise as nation ages

5/11
Sun

► Statistics Dept report reveals 7.5% of Malaysians currently aged 60 and above, set to double to 15% by 2030

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thensundaily.com

PETALING JAYA: As Malaysia moves towards an aged nation status by 2030, concerns over workforce sustainability are mounting.

According to a 2024 Statistics Department report, 7.5% of Malaysians are aged 60 and above, a figure set to double to 15% by 2030.

Malaysian Employers Federation (MEF) president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman said the federation backs hiring senior workers but stressed the need to address challenges to hire and keep them productive.

He said despite government tax incentives for hiring senior workers, businesses can only claim double tax deductions on salaries capped at RM4,000 per month, a limit that discourages many from employing older talent.

He said the cap should be scrapped to encourage more companies to employ seniors.

"If businesses could claim tax deductions for higher salaries, more would be willing to hire senior workers. The current application process is also too complicated," he told *theSun*.

Syed Hussain warned that if poorly managed, Malaysia's ageing population could

negatively affect the labour market, healthcare and social security.

"Senior workers can be valuable, provided they are healthy and skilled. Some industries benefit from experienced mentors, and sectors like manufacturing, food services and consulting are increasingly hiring older workers for their reliability."

He added that many seniors work to stay active or boost their income.

Syed Hussain acknowledged the hurdles in integrating seniors into the workforce.

"Physical limitations may require flexible hours, ergonomic workplaces and remote work options. Technological advancements can be challenging to some seniors as they struggle with digital tools.

"Salary expectations also pose difficulties, as experienced professionals may demand higher wages."

He stressed the need for lifelong learning programmes to keep senior workers relevant.

He added that better Employees Provident Fund employer contributions would also ensure financial security for retirees.

Universiti Kuala Lumpur economic analyst Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid said

companies hire senior workers not just for their expertise but also for their loyalty, which often surpasses that of younger employees.

"Younger workers frequently switch jobs for better pay, whereas senior employees tend to stay longer if the work environment is good."

He said some employers find younger staff attitudes misaligned with industry expectations, making senior workers a more attractive option.

"Older employees may lack the physical stamina of younger staff, but their soft skills, knowledge and networks add immense value. Their industry familiarity also reduces training costs."

Aimi said beyond financial reasons, many seniors work to stay mentally active.

"After six months to two years of retirement, many seniors seek jobs or business ventures to keep their minds sharp. Boredom and loneliness at home can impact cognition, making work appealing."

However, he cautioned that an ageing workforce could impede the career progression of young workers, leading to frustration or even brain drain.

"Older workers can drive up medical costs and insurance premiums, and retaining them may require higher salaries, straining company budgets."

He said with strategic workforce planning, businesses could leverage on the experience of senior workers while ensuring career growth for younger employees.

THE SUN
Tarikh: 27 MAR 2025